







Bandar Seri Putra, 43000, Bangi, Selangor (Darul Ehsan), Malaysia  
603-8911 7167 +603-8925 4402  
info@uis.edu.my  
https://al-irsyad.uis.edu.my/index.php/alirsyad



# Sumbangan Penulis *Tafsir Mini Surah al-Fatihah* dalam Pendidikan Islam Awal Kanak-Kanak


## *The Contribution of Tafsir Mini Surah al-Fatihah Authors to Early Islamic Education for Children*

Zaidul Amin Suffian Ahmad , Sahlawati Abu Bakar  , Muhammad Aizat Syimir Rozani , Siti Nurbaqlis Baharuddin , & Jannatul Husna Ali Nuar 

### To cite this article:

Ahmad, Z. A. S., Abu Bakar, S., Rozani, M. A. S., Baharuddin, S. N., & Ali Nuar, J. H. (2025). Sumbangan penulis Tafsir Mini Surah al-Fatihah dalam pendidikan Islam awal kanak-kanak. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 10(2), 1608-1625. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v10i2.549>

### To link this article:

 <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v10i2.549>

### Full Terms & Conditions of access and use can be found at:



<https://al-irsyad.uis.edu.my/index.php/alirsyad/open>



Published online: 17 December 2025



Submit your article to this journal:

<https://al-irsyad.uis.edu.my/index.php/alirsyad/about/submissions>



View related articles:

<https://al-irsyad.uis.edu.my/index.php/alirsyad/issue/archive>



### Disclaimer

The views expressed in this article are those of the author. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* shall not be liable for any loss, damage or other liability caused by / arising from the use of the contents of this article.

This is an open access article under the CC BY-NC license.



## Sumbangan Penulis *Tafsir Mini Surah al-Fatihah* dalam Pendidikan Islam Awal Kanak-Kanak

### [*The Contribution of Tafsir Mini Surah al-Fatihah Authors to Early Islamic Education for Children*]

Zaidul Amin Suffian Ahmad <sup>ID</sup><sup>1\*</sup>, Sahlawati Abu Bakar <sup>ID</sup><sup>SC1</sup>, Muhammad Aizat Syimir Rozani <sup>ID</sup><sup>1</sup>, Siti Nurbaqis Baharuddin <sup>ID</sup><sup>1</sup>, & Jannatul Husna Ali Nuar <sup>ID</sup><sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, MALAYSIA.

<sup>2</sup>Universitas Ahmad Dahlan, Jl. Kapas 9, Semaki, Umbulharjo, 55166 Yogyakarta, INDONESIA.

\* Corresponding Author: Zaidul Amin Suffian bin Ahmad. Jabatan Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Universiti Islam Selangor (UIS), MALAYSIA. ✉ zaidulamin@uis.edu.my ☎ +60 17-2666952.

#### Keywords:

Children's *Tafsir*, Early Islamic Education, Qualitative Analysis, Moral Development, Surah al-Fatihah

#### ABSTRACT

This study examined the interpretive and formative approach of *Tafsir Mini Surah al-Fatihah*, published by Telaga Biru, as a model of children's *tafsir* in early Islamic education. Employing a qualitative interpretive design through document analysis and triangulated interviews, five core features were identified: (i) use of the Quran and hadith as primary references, (ii) enrichment of understanding through *Qaṣaṣ al-Anbiyā'* (prophetic narratives), (iii) use of the *qiṣṣah* (storytelling) genre, (iv) focus on moral and spiritual values, and (v) exclusion of superstition and myth. These features collectively demonstrate the integration of *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* theology with a child-centred formative approach in conveying Quranic meanings. The findings also highlighted challenges in simplification and parental dependency, emphasising the need for reflective parental guides to support accurate theological comprehension.

**Contribution:** This study highlights the significant contribution of *Tafsir Mini Surah al-Fatihah* in advancing children-oriented Quranic interpretation within the Malaysian context. While a similar initiative was undertaken in Indonesia by Afif Muhammad (2002), this work represents a crucial methodological development that contextualises children's *tafsir* within Malaysia's socio-cultural and educational landscape. This study contributes to the growing field of Quranic studies that integrates classical *tafsir* with contemporary approaches to faith formation and early Islamic education, enriching discourse on Quranic transmission in Southeast Asia.

#### Kata Kunci:

Tafsir Kanak-kanak, Pendidikan Islam Awal, Analisis Kualitatif, Nilai Murni, Surah al-Fatihah

#### ABSTRAK

Kajian ini meneliti pendekatan tafsir dan tarbiah dalam *Tafsir Mini Surah al-Fatihah* terbitan Telaga Biru sebagai model tafsir kanak-kanak dalam pendidikan Islam awal. Dengan menggunakan reka bentuk kualitatif interpretif melalui analisis dokumen dan temu bual triangulasi, kajian mengenal pasti lima ciri utama: (i) penggunaan al-Quran dan hadis sebagai rujukan utama, (ii)

pengayaan kefahaman melalui *Qaṣaṣ al-Anbiyā'* (kisah para nabi), (iii) penerapan genre *al-qīṣṣah* (penceritaan), (iv) penekanan terhadap nilai moral dan spiritual, serta (v) penolakan unsur khurafat dan tahayul. Kesemua ciri ini menggambarkan integrasi antara manhaj Ahli Sunah Waljamaah dengan pendekatan tarbiah berpusatkan kanak-kanak dalam penyampaian makna al-Quran. Dapatan turut menunjukkan cabaran dalam aspek penyederhanaan dan kebergantungan terhadap bimbingan ibu bapa yang menuntut pembangunan panduan reflektif bagi menyokong kefahaman akidah secara tepat.

**Sumbangan:** Kajian ini menonjolkan sumbangan penting Tafsir Mini Surah al-Fatihah dalam memperkukuh tradisi tafsir berorientasikan kanak-kanak di Malaysia. Walaupun usaha seumpama ini telah dimulakan lebih awal oleh Afif Muhammad (2002), namun kajian ini menandakan bahawa terdapat perkembangan metodologi baharu yang menyesuaikan disiplin tafsir klasik dengan pendekatan tarbiah kontemporari. Sumbangan ini memperluas horizon pendidikan Islam awal di Malaysia serta memperkayakan wacana pemindahan ilmu al-Quran dalam konteks moden di rantau Asia Tenggara.

#### ARTICLE HISTORY

Received: September 09, 2025

Revised: October 13, 2025

Accepted: September 21, 2025

Available Online: December 17, 2025

Published: December 19, 2025

This is an open access article under the [CC BY-NC](https://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/) license.



#### To cite this article:

Ahmad, Z. A. S., Abu Bakar, S., Rozani, M. A. S., Baharuddin, S. N., & Ali Nuar, J. H. (2025). Sumbangan penulis Tafsir Mini Surah al-Fatihah dalam pendidikan Islam awal kanak-kanak. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 10(2), 1608-1625. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v10i2.549>

## I. PENDAHULUAN

Rasulullah SAW telah menganjurkan agar ibu bapa mendidik anak-anak sejak usia kecil. Ini kerana peringkat awal kehidupan merupakan masa yang paling sesuai untuk membentuk keperibadian dan nilai asas insan. Golongan dewasa yang memahami kepentingan ajaran Islam bertanggungjawab memastikan kanak-kanak Muslim didedahkan kepada bahan yang mampu menambah ilmu dan kefahaman mereka terhadap Islam (Nasir & Mat Teh, 2021a). Arahan ini dapat difahami menerusi sabda Rasulullah SAW:

عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُرُوا أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ وَاضْرِبُوهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرِ وَفَرِّقُوا بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ

[Abū Dāwūd, Kitāb *al-Ṣalāh*, Bāb Matā Yu'mar al-Ghulām bi al-Ṣalāt, No. Hadis 495, *Ḥasan Ṣaḥīḥ*]

Maksudnya:

“Daripada ‘Amrū ibn Shu‘ayb daripada bapanya, daripada datuknya berkata: “Rasulullah SAW telah bersabda: “Perintahlah anak-anak kamu supaya mendirikan solat ketika berusia tujuh tahun dan pukullah mereka kerana meninggalkannya ketika berumur sepuluh tahun, dan pisahkan tempat tidur antara mereka (anak lelaki dan perempuan)”.”

Para sarjana Islam sejak dahulu mengakui bahawa pendidikan adalah keperluan penting dalam kehidupan seorang insan. Pendidikan bukan sahaja dianggap sebagai proses penyampaian ilmu (Herlambang, 2018), bahkan ia merupakan satu misi yang berterusan yang bermula sejak zaman kanak-kanak (Kahar, 2020; Nasir & Mat Teh, 2020). Oleh itu, usaha membekalkan pendidikan Islam secara berperingkat dan bersesuaian dengan keupayaan kanak-kanak merupakan suatu keperluan asas dalam membina generasi Muslim yang berakhlak mulia.

Kanak-kanak merupakan golongan yang memerlukan pendidikan terbaik dan sesuai dengan tahap perkembangan mereka. Pendidikan mereka sangat bergantung kepada kesedaran dan kebijaksanaan golongan dewasa, khususnya ibu bapa. Kecuaian dalam memberikan pendidikan Islam sejak awal usia boleh membawa kesan negatif terhadap sahsiah dan pembangunan rohani kanak-kanak apabila mereka meningkat dewasa (Nasir & Mat Teh, 2021a). Di samping itu, kanak-kanak juga memerlukan bahan bacaan yang bukan sahaja mengandungi unsur ilmu pengetahuan, tetapi turut merangsang emosi dan jiwa mereka. Unsur sastera yang membangkitkan perasaan, nilai dan penghayatan mampu membantu membentuk keseimbangan perkembangan jasmani, rohani, intelektual dan sosial (Sujud, Abdull Sedik, Nik Muhamad Affendi, & Gaisun, 2014).

Walaupun bagaimanapun, bahan bacaan yang dominan dalam pasaran sastera kanak-kanak sering dipenuhi dengan elemen mitos dan cerita khayalan yang boleh memberi kesan negatif terhadap pembentukan pemikiran Islam yang sahih (Nasir & Mat Teh, 2021b). Tambahan pula, kajian terhadap bahan bacaan Islamik untuk kanak-kanak, khususnya dalam bentuk tafsir al-Quran, masih kurang diberikan perhatian, sama ada di Malaysia mahupun di rantau Asia Tenggara lainnya (Muhammad, 2002). Walaupun terdapat beberapa terbitan tafsir untuk kanak-kanak, kajian kandungan terhadap bahan-bahan ini masih terhad dan belum dilaksanakan secara sistematik. Oleh itu, satu kajian khusus perlu dilakukan bagi menilai kandungan buku tafsir kanak-kanak yang diterbitkan di pasaran sebagai satu alternatif pendidikan Islam awal yang bersesuaian.

Berdasarkan permasalahan ini, kajian ini dijalankan dengan dua tujuan utama. Pertama, untuk mengenal pasti kandungan dan pendekatan pendidikan Islam yang diketengahkan dalam buku *Tafsir Mini Surah al-Fatihah* terbitan Telaga Biru yang ditulis khusus untuk kanak-kanak. Kedua, untuk menganalisis kesesuaian kandungan buku tersebut sebagai bahan sokongan pendidikan Islam awal kepada kanak-kanak. Sehubungan itu, persoalan utama yang ingin dijawab ialah: apakah pendekatan pendidikan Islam yang diterapkan dalam buku *Tafsir Mini Surah al-Fatihah*, dan sejauh manakah kandungan buku ini sesuai dijadikan bahan sokongan pendidikan Islam awal kepada kanak-kanak.

## 2. SOROTAN LITERATUR: PENDEKATAN TAFSIR DALAM PENDIDIKAN ISLAM AWAL KANAK-KANAK

Kajian mengenai pendidikan Islam awal kepada kanak-kanak telah menjadi perhatian dalam pelbagai bidang termasuk psikologi, pedagogi, dan pengajian Islam. Umumnya, penyelidik menekankan keperluan membentuk keperibadian Islam sejak usia awal melalui pendekatan pendidikan yang sesuai, kreatif, dan berpaksikan al-Quran serta al-Sunnah. Nasir dan Mat Teh (2021c), misalnya, menegaskan bahawa pendidikan Islam awal bukan hanya menyampaikan maklumat agama, tetapi juga berfungsi membina nilai, akhlak dan kefahaman yang membentuk jati diri Muslim. Hal ini menunjukkan kesedaran akademik tentang pentingnya asas pendidikan sejak awal, namun belum ada konsensus mengenai bentuk bahan pendidikan yang paling efektif untuk kanak-kanak.

Sujud, Abdul Rahman dan Hamzah (2014) pula menegaskan bahawa bahan bacaan kanak-kanak perlu bersifat menyeluruh dengan menekankan dimensi emosi, estetik, dan nilai kehidupan, bukan sekadar maklumat semata-mata. Walaupun pandangan ini memperluas horizon pendidikan Islam kanak-kanak, ia masih bersifat umum dan belum diterjemahkan dalam bentuk praktikal khusus, misalnya dalam penulisan tafsir yang benar-benar berorientasikan dunia kanak-kanak. Sementara itu, penerbitan sastera Islam untuk kanak-kanak memang semakin berkembang, tetapi kebanyakannya hanya menekankan kisah para nabi atau ringkasan hukum asas. Walaupun bermanfaat, bahan sebegini sering mengabaikan potensi tafsir al-Quran sebagai medium pembelajaran langsung yang dapat menghubungkan kanak-kanak dengan sumber wahyu.

Adib (2018) telah menyoroti karakteristik metode pentafsiran al-Quran untuk kanak-kanak yang diusahakan oleh Afif Muhammad. Analisis tersebut mendapati sumbangan besar tokoh tersebut dalam menghadirkan tafsir yang sesuai dengan peringkat umur kanak-kanak berbentuk *ijmāli* (global), disertai gambar, serta menggunakan bahasa yang mudah difahami. Kajian oleh Nasir dan Mat Teh (2021d) pula membongkar masalah ketara dalam pasaran sastera kanak-kanak, iaitu kewujudan bahan yang dipenuhi elemen mitos dan fantasi yang tidak selari dengan akidah Islam. Penemuan ini penting kerana ia menunjukkan bahawa keperluan terhadap bahan alternatif bukan sekadar soal kualiti penyampaian, tetapi juga menyentuh soal keselamatan

akidah. Walaupun demikian, belum banyak penelitian yang mengkaji bagaimana bahan alternatif itu boleh dibangunkan dengan berpaksikan tafsir al-Quran yang disesuaikan untuk kanak-kanak.

Kajian tafsir khusus untuk kanak-kanak masih sangat terhad, khususnya dalam konteks Malaysia mahupun Indonesia. Walaupun terdapat penerbit kontemporari yang menghasilkan tafsir ringkas untuk kanak-kanak, penilaian terhadap keberkesanan pendekatan, kesesuaian bahasa, serta pemilihan ayat masih jarang dilakukan secara sistematik. Kecenderungan penyelidik lebih banyak tertumpu pada pendidikan Islam umum berbanding pada aspek tafsir kanak-kanak secara khusus (Alawiyah & Miski, 2025; Saifunnuha & Hasan, 2022).

Daripada sorotan ini dapat dirumuskan dua jurang utama. Pertama, walaupun pendidikan Islam awal mendapat perhatian, tafsir al-Quran masih kurang dimanfaatkan sebagai medium penting dalam membina asas akidah dan akhlak kanak-kanak. Kedua, kajian kandungan terhadap buku tafsir kanak-kanak sangat terhad, dan belum ada analisis sistematik terhadap aspek bahasa, nilai pendidikan, serta keberkesanan pendekatan yang digunakan. Kedua-dua jurang ini mengukuhkan justifikasi bagi kajian ini, iaitu menilai *Tafsir Mini Surah al-Fatihah* sebagai salah satu alternatif pendidikan Islam awal yang berpotensi mengisi kekosongan dalam wacana pendidikan Islam kontemporari.

### 2.1 Pendidikan Islam Awal dan Psikologi Perkembangan Kanak-kanak

Pendidikan Islam awal menekankan pembentukan nilai, akidah, dan akhlak sejak usia muda melalui kaedah yang sesuai dengan tahap perkembangan kognitif kanak-kanak. Dalam konteks teori pendidikan moden, Piaget (2000) menyatakan bahawa kanak-kanak dalam peringkat pra operasi (2-7 tahun) memahami dunia melalui simbol dan imej, namun masih memerlukan bantuan visual dan naratif untuk membentuk makna yang abstrak. Hal ini seiring dengan konsep *ta'lim* (pengajaran) dan tarbiah dalam Islam yang menekankan pendekatan berperingkat dan berasaskan fitrah manusia (Ibn Khaldūn, 2005).

Sementara itu, Vygotsky (1978) menekankan pentingnya interaksi sosial dan bimbingan dewasa dalam pembentukan ilmu, dikenali sebagai *Zone of Proximal Development* (ZPD). Prinsip ini selaras dengan konsep *ta'awun* (kerjasama) dalam Islam, di mana pembelajaran berlaku dengan sokongan guru atau ibu bapa sebagai pembimbing. Maka, bahan tafsir untuk kanak-kanak perlu disusun dengan mengambil kira fungsi interaksi ini, di mana ibu bapa atau pendidik berperanan menjelaskan makna ayat serta nilai-nilai yang terkandung di dalamnya. Pendekatan sebegini dapat menggabungkan aspek kognitif, afektif dan spiritual melalui bahasa yang sesuai, penceritaan, serta visualisasi yang mendidik.

### 2.2 Kajian Tafsir Kanak-kanak di Malaysia dan Indonesia

Kajian mengenai tafsir kanak-kanak di rantau ini masih dalam fasa awal, namun beberapa inisiatif telah muncul di Malaysia dan Indonesia. Di Indonesia, karya *Tafsir al-Qur'an untuk Anak-Anak Bergambar* oleh Afif Muhammad merupakan antara usaha awal dalam memperkenalkan tafsir mesra kanak-kanak dengan gaya penceritaan, gambar, dan bahasa yang mudah. Kajian Adib (2018) menunjukkan bahawa karya Afif (2002) menonjolkan kaedah *ijmālī* serta penekanan pada nilai moral dan akidah yang disampaikan melalui ilustrasi yang menarik. Pendekatan ini membuktikan bahawa penyesuaian medium visual dan naratif mampu menjadikan tafsir lebih dekat dengan pengalaman belajar kanak-kanak.

Sebaliknya, di Malaysia, pendekatan ini masih baru dan lebih banyak diterajui oleh penerbit seperti Telaga Biru melalui siri *Tafsir Mini Surah al-Fatihah*. Buku ini menampilkan pendekatan integrasi yang menggabungkan bahasa mudah, aktiviti interaktif, serta sokongan multimedia seperti kod QR. Perbandingan antara dua pendekatan ini menunjukkan bahawa walaupun kedua-duanya berkongsi matlamat memperkenalkan al-Quran secara ringan kepada kanak-kanak, karya Malaysia lebih menonjol dari segi penggunaan teknologi dan reka bentuk moden. Justeru, pembangunan tafsir kanak-kanak di rantau ini berpotensi diperluas dengan memperkukuh aspek pedagogi dan reka bentuk visual agar sesuai dengan konteks sosio-budaya tempatan.

## 3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan analisis kandungan dokumen sebagai kaedah utama pengumpulan dan penganalisan data. Data primer kajian ialah buku *Tafsir Mini Surah al-Fatihah*, yang diteliti secara kualitatif untuk mengenal pasti pendekatan dan kandungan pentafsiran yang diketengahkan kepada golongan kanak-kanak.

Prosedur analisis kandungan melibatkan beberapa langkah utama: pertama, meneliti keseluruhan isi kandungan untuk mengenal pasti maklumat yang signifikan; kedua, menilai hujah dan fakta yang dikemukakan untuk menilai tahap keabsahan kandungan serta mengesan kelemahan; ketiga, membuat perbandingan dengan

dokumen atau bahan penulisan lain yang setara berdasarkan pendekatan, metodologi, dan teknik penyampaian; dan keempat, memberikan kritikan membina terhadap kekuatan serta kelemahan bahan secara konstruktif.

Kerangka analisis ini berpandukan pandangan [Spradley \(1980\)](#) dan [Yin \(1994\)](#) yang menegaskan bahawa dokumen merupakan sumber penting dalam kajian kualitatif dan boleh berfungsi sebagai bukti yang sah untuk dianalisis secara sistematik. Pendekatan ini turut diperkukuhkan dengan model analisis kandungan yang diperkenalkan oleh [Krippendorff \(2004\)](#), yang menekankan kepentingan kejelasan dalam unit analisis serta konsistensi dalam pengkategorian maklumat. Tambahan pula, [Kuckartz dan Radiker \(2023\)](#) menggariskan bahawa analisis kandungan kualitatif bukan sahaja bersifat deskriptif, tetapi juga interpretasi, dengan penekanan kepada penggunaan perisian analisis kualitatif yang dapat meningkatkan sistematik dan kebolehpercayaan dapatan.

Dalam konteks kajian ini, unit analisis yang diteliti merangkumi ayat, frasa, dan tema yang mencerminkan pendekatan tafsir kanak-kanak. Pemilihan dokumen, penjelasan kategori yang dianalisis, serta pemerhatian terhadap aspek bahasa, kandungan, dan teknik penyampaian merupakan langkah-langkah penting dalam keseluruhan proses analisis ([Sunawari, 2007](#)).

## 4. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### 4.1 Profil Penulis Tafsir Mini Surah al-Fatihah

Buku *Tafsir Mini Surah al-Fatihah* dihasilkan oleh pasangan penulis yang menggunakan nama pena Ummu Ammar Amir dan Abu Ammar Romlie, serta diterbitkan oleh Telaga Biru Sdn. Bhd. pada Julai 2020. Berdasarkan biodata penulis yang disertakan dalam buku tersebut, kedua-duanya memiliki latar belakang akademik dan pengalaman profesional yang pelbagai, sekali gus memperlihatkan keunikan karya ini.

Ummu Ammar Amir dilahirkan di Ipoh, Perak, dan merupakan graduan Ijazah Teknologi Maklumat dari Universiti Teknologi PETRONAS (UTP). Beliau berpengalaman sebagai pengetua Sekolah Malaysia di Nottingham, United Kingdom, serta pernah berkhidmat sebagai tenaga pengajar di Nottingham Nursery School dan Radford Primary School. Kini, beliau menguruskan sebuah pusat latihan di Seri Iskandar, Perak, selain menghasilkan beberapa modul pendidikan awal kanak-kanak yang digunakan di tadika dan pusat pengajian awal kanak-kanak di Malaysia ([Amir & Romlie, 2020](#)).

Abu Ammar Romlie pula merupakan anak kelahiran Sidan Kiri, Kedah, dan kini bertugas sebagai pensyarah kanan di UTP. Beliau memperoleh ijazah sarjana muda dari UTP, sarjana dari University of Western Australia, serta ijazah kedoktoran dalam bidang kejuruteraan elektrik dari University of Nottingham, UK. Walaupun berlatarbelakangkan bidang kejuruteraan, minat beliau terhadap al-Quran mendorong kepada penulisan buku tafsir untuk kanak-kanak bersama isterinya, Ummu Ammar Amir ([Amir & Romlie, 2020](#)).

Keterlibatan kedua-dua penulis ini memperlihatkan satu bentuk sumbangan unik dalam dunia penerbitan Islam, khususnya kerana mereka menggabungkan kepakaran pendidikan awal kanak-kanak dengan minat mendalam terhadap al-Quran. Hal ini sekali gus memperkukuh usaha menjadikan tafsir kanak-kanak sebagai medium pendidikan Islam awal yang sesuai dengan peringkat umur pembaca. Selain berfungsi sebagai bahan bacaan untuk anak-anak, buku ini juga boleh dijadikan panduan oleh ibu bapa serta tenaga pengajar di peringkat awal pendidikan Islam seperti di taska, tadika, dan sekolah rendah. Keistimewaan utama buku ini terletak pada pendekatannya yang kreatif dan pelbagai, termasuk penggunaan ilustrasi bergambar, bahasa yang mudah, dan aktiviti interaktif. Dengan pendekatan ini, *Tafsir Mini Surah al-Fatihah* dilihat berpotensi memperkenalkan asas al-Quran dengan cara yang menyeronokkan. Berdasarkan penelitian, terdapat lima ciri utama pentafsiran yang diketengahkan pada sub topik seterusnya.

### 4.2 Al-Quran dan Hadis Sebagai Sumber Rujukan

Buku ini menampilkan pendekatan tafsiran yang berpaksikan sumber utama Islam, iaitu al-Quran dan hadis. Penulis menggunakan ayat-ayat lain dalam al-Quran sebagai sokongan bagi menjelaskan maksud Surah al-Fātihah secara lebih menyeluruh. Rajah 1 menunjukkan, surah al-Baqarah [2] ayat 152 dikemukakan untuk menerangkan maksud ayat pertama Surah al-Fātihah. Penulis turut menekankan keperluan membaca *basmalah* sebagai tanda ingatan kepada Allah SWT dalam setiap aktiviti harian, di samping menzahirkan rasa cinta kepada-Nya. Pendekatan ini menunjukkan adanya usaha menghubungkan makna ayat dengan konteks yang lebih luas dalam keseluruhan al-Quran, sekali gus memperkukuh kefahaman kanak-kanak terhadap mesej wahyu.

### Rajah 1

Penggunaan Surah al-Baqarah [2] Ayat 152 sebagai Sokongan Tafsiran Surah al-Fātiḥah

Surah al-Fatihah dimulakan dengan lafaz (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ). Seorang Muslim sentiasa menyebut nama Allah ﷻ dalam setiap aktiviti yang dilakukannya. Allah ﷻ sangat menyayangi hamba-Nya yang selalu mengingati Allah ﷻ, seperti mana janji-Nya dalam Surah al-Baqarah ayat 152,

﴿فَاذْكُرُونِي أَذْكَرَكُمُ وَأَسْكُرُوا لِي وَلَا تَكْفُرُونِ﴾

Ertinya: "Oleh itu, ingatlah Aku. Nescaya Aku akan mengingati kamu serta bersyukurlah kepada-Ku dan janganlah kamu mengkufuri-Ku."

(Surah al-Baqarah 2: 152)

Contoh lain dapat dilihat pada penjelasan mengenai pujian yang terkandung dalam ayat kedua surah al-Fātiḥah. Penulis mengaitkannya dengan surah al-Isrā' [17] ayat 44, yang menjelaskan bahawa seluruh makhluk senantiasa bertasbih memuji Allah SWT sebagaimana dipaparkan pada Rajah 2. Pendekatan ini memperluas kefahaman kanak-kanak bahawa pujian kepada Allah SWT bukan hanya kewajipan manusia, tetapi juga diamalkan oleh seluruh makhluk ciptaan-Nya.

### Rajah 2

Penggunaan Surah al-Isrā' [17] Ayat 44 sebagai Sokongan Tafsiran Surah al-Fātiḥah

Allah ﷻ berfirman dalam al-Quran,

﴿سُبْحَانَ لَهُ السَّمَوَاتُ السَّبْعُ وَالْأَرْضُ وَمَنْ فِيهِنَّ وَإِنْ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِ وَلَكِنْ لَا تَفْقَهُونَ تَسْبِيحَهُمْ إِنَّهُ كَانَ حَلِيمًا غَفُورًا﴾

Ertinya: "Ketujuh-tujuh langit, bumi dan setiap yang ada di dalamnya sentiasa bertasbih kepada Allah. Dan tidak ada sesuatu pun melainkan mereka yang bertasbih dengan memuji-Nya, tetapi kamu sekalian tidak mengerti tasbih mereka. Sesungguhnya, Dia ialah Maha Penyantun lagi Maha Pengampun."

(Surah al-Isrā' 17: 44)

Selain itu, penjelasan mengenai pujian kepada Allah SWT dalam ayat kedua surah al-Fātiḥah turut diperkuat dengan penggunaan hadis seperti ditunjukkan oleh Rajah 3. Penulis menyertakan riwayat yang menggambarkan makhluk Allah SWT sentiasa bertasbih memuji-Nya, sekali gus memperkukuh kefahaman kanak-kanak bahawa pengagungan kepada Allah SWT adalah suatu amalan sejagat tidak hanya dikhususkan kepada manusia sahaja.

### Rajah 3

Penggunaan Hadis sebagai Sokongan Tafsiran Surah al-Fātiḥah

Insyaa-Allah, pasti akan ada keberkatan setiap kali kita menyebut nama Allah ﷻ ketika hendak memulakan sebarang aktiviti. Rasulullah ﷺ bersabda,

﴿كُلُّ أَمْرٍ ذِي بَالٍ لَا يُبْدَأُ فِيهِ بِبِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، فَهُوَ أَقْطَعُ﴾

Ertinya: "Setiap perkara bernilai yang tidak dimulakan dengan nama Allah (Basmalah), maka terputuslah keberkatannya."


(Riwayat al-Rahawi dan al-Nawawi)

Sekali pun hadis tentang memulakan perkara baik dengan *basmalah* diperdebatkan statusnya oleh ulama hadis, terdapat pandangan yang berbeza-beza. Hadis ini diriwayatkan oleh al-Khaṭīb al-Baghdādī dalam *al-Jāmi' li Akhlāq al-Rāwī* dan al-Ḥāfiẓ al-Rahawī dalam *al-Arba'in al-Buldāniyyah* daripada sahabat Abū Hurayrah RA. Walaupun al-Suyūṭī menilainya sebagai *ḍa'if* dalam *al-Jāmi' al-Ṣaghīr*, Ibn Daqīq al-'Īd dalam *Sharḥ Arba'in al-Nawawī* menilainya *ṣaḥīḥ*. Sementara itu, Ibn al-Ṣalāh, al-'Ajlūnī, al-Munāwī dan al-'Azīm Ābādī menilainya *ḥasan* (Al-'Ajlūnī, 2000; Al-Munāwī, 1988; Zakariyyā al-Anṣārī, 2005). Walaupun wujud perbezaan dari segi status sanad, matan hadis ini tetap dianggap benar kerana menekankan bahawa amalan yang tidak dimulakan dengan menyebut nama Allah SWT akan berkurangan keberkatannya, bahkan boleh terputus sama sekali daripada keberkatan.

Selain itu, penulis juga memasukan hadis yang menerangkan nama-nama lain bagi surah al-Fātiḥah, antaranya *Umm al-Qur'ān* (induk al-Quran) dan *Sab' al-Mathānī* (tujuh ayat yang diulang-ulang) seperti Rajah 4. Petikan ini dapat membantu memperkukuh kefahaman kanak-kanak bahawa surah al-Fātiḥah mempunyai nama yang lain dan kedudukan istimewa dalam al-Quran.

#### Rajah 4

Petikan Hadis Mengenai Nama-nama Surah al-Fātiḥah



Ringkasnya, penulis buku ini menampilkan pendekatan tafsir berasaskan al-Quran dan hadis sebagai sumber utama rujukan. Metode ini dikenali sebagai *tafsir bi al-ma'thūr*, iaitu mentafsirkan al-Quran dengan al-Quran serta al-Quran dengan hadis (Al-Qaṭṭān, 2004; Al-Ṣalīḥ, 2011; Al-Ṣiddīqī, 2010; Zakaria, 2017). Hadis-hadis yang dimuatkan dalam buku ini juga berstatus sahih minimum hasan, sekali gus memperlihatkan autoriti dan ketepatan rujukan yang digunakan. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa buku ini telah mengaplikasikan metode pentafsiran yang sejajar dengan kaedah utama dalam tradisi tafsir al-Quran.

Dalam konteks serantau, karya *Tafsir Mini Surah al-Fatihah* ini boleh dibandingkan dengan karya *Tafsir al-Qur'an untuk Anak-Anak Bergambar* oleh Afif Muhammad dari Indonesia. Karya Afif (2002) menumpukan kepada penceritaan berbentuk visual yang kuat dengan penekanan terhadap nilai moral, namun masih bersifat naratif tanpa penerapan metode *tafsir bi al-ma'thūr* secara jelas. Sebaliknya, buku terbitan Telaga Biru ini memperlihatkan integrasi antara pendekatan visual dan rujukan langsung kepada ayat serta hadis, menjadikannya lebih hampir kepada bentuk tafsir sebenar meskipun disesuaikan dengan keperluan pedagogi kanak-kanak. Perbandingan ini memperlihatkan perkembangan positif tafsir kanak-kanak di Malaysia yang semakin berorientasikan sumber primer Islam dan bersifat ilmiah, bukan sekadar hiburan atau bacaan moral.

#### 4.3 Pengayaan Kefahaman Melalui *Qaṣaṣ al-Anbiyā'*

Buku ini turut menekankan elemen *Qaṣaṣ al-Anbiyā'* (kisah-kisah para nabi) sebagai medium pendidikan awal untuk kanak-kanak. Pendekatan ini selari dengan pandangan Nasir dan Mat Teh (2020) yang menegaskan bahawa pendedahan awal terhadap tokoh-tokoh utama Islam berperanan penting dalam membina jati diri Muslim. Penulis menyelitkan kisah-kisah para nabi sebagai teladan, antaranya kisah Nabi Sulaiman AS dalam peristiwa pemindahan singgahsana Ratu Saba'. Kisah ini digarap bagi menonjolkan nilai kepimpinan, kebijaksanaan dan kebergantungan kepada Allah SWT yang wajar dicontohi oleh generasi muda.

## Rajah 5

Kisah Nabi Sulaiman AS dan Pindahan Singgahsana Ratu Saba' dalam buku Tafsir Mini Surah al-Fatihah



Hasil penelitian mendapati bahawa penulis buku tidak mempamerkan Nabi Sulaiman AS dan Jin Ifrit dalam bentuk lukisan manusia, sebaliknya mengilustrasikan kedua-duanya dalam bentuk tulisan. Tindakan ini bertepatan dengan Fatwa Negeri Melaka yang diwartakan pada tahun 2009, yang menyatakan bahawa perbuatan melukis, melakar, mengukir, mengilustrasi atau memvisualisasikan gambar para malaikat, nabi-nabi terdahulu, Rasulullah SAW, ahli keluarga serta para sahabat Baginda SAW dalam apa-apa bentuk adalah haram (e-SMAF, 2009). Justeru, sebagai ganti kepada sosok tubuh Nabi Sulaiman AS dan Jin Ifrit, penulis memilih untuk menzahirkan watak utama tersebut dalam bentuk tulisan sebagai simbolik.

Seterusnya, penulis turut menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai rujukan dalam menyampaikan elemen *Qaṣaṣ al-Anbiyā'*. Rajah 5 yang dipaparkan menunjukkan bahawa kisah Nabi Sulaiman AS ini diadaptasi daripada Surah al-Naml [27] ayat 38 hingga 40. Walaupun Surah al-Fātiḥah tidak secara langsung menyebut kisah Nabi Sulaiman AS, penyertaan naratif ini merupakan pendekatan sokongan yang bertujuan memperkayakan pemahaman kanak-kanak. Kisah tersebut dikaitkan dengan nilai kepimpinan, ketaatan, serta pengakuan terhadap kekuasaan Allah SWT yang selaras dengan tema pujian dan pengabdian dalam Surah al-Fātiḥah. Oleh itu, pemilihan kisah ini boleh difahami sebagai usaha penulis untuk menjadikan kandungan tafsir lebih mudah diaplikasi, imaginatif dan sesuai dengan dunia kanak-kanak, tanpa menjejaskan prinsip ketepatan makna al-Quran.

Dalam konteks ini, tafsir genre kanak-kanak perlu menitikberatkan elemen *Qaṣaṣ al-Anbiyā'* dalam penulisannya sebagai satu bentuk tarbiah awal. Penyemaian *Qaṣaṣ al-Anbiyā'* juga perlu mematuhi garis panduan syariah seperti larangan penggambaran wajah malaikat, para nabi, dan para sahabat, serta berpandukan sumber sahih seperti al-Quran dan al-Sunnah agar kisah yang disampaikan tidak bertukar menjadi dongeng rekaan. Di samping itu, aspek bahasa turut memainkan peranan penting kerana ayat-ayat al-Quran perlu diterjemahkan dengan sebaiknya ke dalam bahasa Melayu supaya mesej yang terkandung dapat difahami dengan jelas, tepat, dan bersesuaian dengan tahap perkembangan kanak-kanak (Ahmad & Baharudin, 2022).

### 4.4 Penerapan Genre al-Qiṣṣah (Penceritaan)


Seperti yang ditegaskan oleh Sayyid Quṭb dalam pendahuluan kitab *Qaṣaṣ al-Nabiyyīn li al-Atfāl* karya Abul-Ḥasan al-Nadwī (1996), penceritaan merupakan medium yang paling sesuai untuk menyampaikan ilmu kepada jiwa kanak-kanak yang masih suci. Hal ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh penulis *Tafsir Mini Surah al-Fatihah* dengan menggunakan pendekatan naratif yang menarik, menjadikan isi kandungan tafsir lebih mudah difahami, dihayati dan diingati oleh pembaca cilik.

Sebagai contoh, Rajah 6 menunjukkan bagaimana pendekatan *al-qīṣṣah* diaplikasikan untuk memperkenalkan konsep teologi melalui penceritaan yang bersifat kontekstual dan sosial. Penulis mengilustrasikan perbincangan dalam bentuk cerita yang menggambarkan interaksi antara orang Islam dan penganut agama lain, termasuk Kristian, Hindu dan Buddha, bagi menjelaskan perbezaan makna *asmā' al-Ḥusnā* (nama-nama Allah SWT yang paling indah) *al-Raḥmān* (Yang Maha Pengasih) dan *al-Raḥīm* (Yang Maha Penyayang). Pendekatan ini bukan sahaja menjadikan mesej ketuhanan lebih mudah difahami, bahkan menggalakkan pemikiran refleksi dan toleransi terhadap penganut agama lain. Dari sudut pedagogi Islam,

strategi ini selari dengan prinsip pembelajaran berasaskan pengalaman (*experiential learning*), yang menekankan pemahaman nilai melalui situasi harian yang dekat dengan kehidupan kanak-kanak. Hal ini selari dengan pandangan Usman Ahmad, & Possumah (2024) bahawa toleransi yang dipupuk melalui kerjasama antara masyarakat pelbagai agama merupakan nilai murni yang berupaya merangsang hubungan positif antara penganut agama berbeza. Malah, dapatan ini turut menyokong kajian Ahmad, Abu Bakar dan Rozani (2024) yang menegaskan bahawa buku tafsir kanak-kanak bergambar berperanan penting dalam memupuk toleransi beragama dan keharmonian sosial melalui ilustrasi yang menarik dan bahasa yang mudah difahami.

### Rajah 6

Ilustrasi Pendidikan Perbezaan *al-Rahmān* dan *al-Rahīm* melalui Pendekatan *al-Qiṣṣah*.



Adapun Rajah 7, memperlihatkan kesinambungan pendidikan nilai melalui pendekatan penceritaan yang digunakan oleh penulis. Penceritaan ini menghubungkan dua situasi berbeza masa tahun 1984 dan tahun 2020 bagi menunjukkan bahawa nilai kasih sayang dan rahmat Allah SWT bersifat kekal serta perlu diterapkan sepanjang zaman. Pendekatan penceritaan berlapis masa ini menggambarkan usaha penulis dalam menanam kefahaman bahawa sifat *al-Rahmān* dan *al-Rahīm* tidak hanya difahami secara teori, tetapi juga perlu diterjemahkan dalam kehidupan seharian kanak-kanak.

Dari sudut pendidikan, pendekatan ini seiring dengan prinsip *Zone of Proximal Development (ZPD)* yang dikemukakan oleh Vygotsky (1978), iaitu proses pembelajaran menjadi lebih berkesan apabila kanak-kanak dibimbing melalui interaksi dan refleksi terhadap pengalaman mereka. Penceritaan bersiri dalam Rajah 7 memperlihatkan penerapan nilai yang berterusan (*tathbīt al-qiyam*) melalui pengalaman sosial yang berulang, membolehkan kanak-kanak memahami peranan kasih sayang dan empati dalam hubungan sesama manusia.

### Rajah 7

Naratif Lintas Masa (1984-2020) bagi Internalisasi Nilai *al-Rahmān* dan *al-Rahīm*



Pendekatan ini juga menunjukkan keupayaan *Tafsir Mini Surah al-Fatihah* untuk menyampaikan mesej al-Quran dalam bentuk yang dekat dengan dunia kanak-kanak bukan hanya sebagai maklumat agama, tetapi sebagai pengalaman nilai yang boleh diamalkan. Justeru, karya ini memperlihatkan satu bentuk penggabungan antara prinsip *tarbiyyah Islāmiyyah* dengan teori perkembangan sosial, menjadikannya relevan dalam konteks pendidikan Islam kontemporari.

Begitu juga dalam mentafsirkan surah al-Fātiḥah [2] ayat tujuh seperti Rajah 8, penulis mengaplikasikan pendekatan *al-qisṣah* dengan mengilustrasikan sebuah hadis Nabi Muhammad SAW yang menjelaskan keutamaan surah ini. Hadis tersebut dipersembahkan dalam bentuk naratif bergambar bagi membantu kanak-kanak memahami kedudukan surah *al-Fātiḥah* sebagai doa yang diulang-ulang dalam setiap solat, sekali gus menanam kesedaran tentang pentingnya istiqamah dalam memohon hidayah Allah SWT.

Pendekatan ini bukan sekadar menyampaikan maklumat agama secara literal, tetapi berperanan sebagai strategi pedagogi yang menekankan aspek internalisasi nilai dan pengalaman spiritual. Dari perspektif psikologi pendidikan, bentuk penceritaan bergambar ini selari dengan teori perkembangan kognitif Piaget (2000) yang menegaskan bahawa kanak-kanak memahami konsep abstrak dengan lebih baik melalui pengalaman konkrit dan visual. Melalui kombinasi naratif dan ilustrasi, *Tafsir Mini Surah al-Fatihah* berfungsi bukan hanya sebagai bahan bacaan, tetapi sebagai alat *visual learning* yang membina jalinan antara emosi, bahasa dan pengalaman keagamaan kanak-kanak. Pendekatan seperti ini juga menunjukkan kemampuan penulis mengintegrasikan prinsip *tarbiyyah Islāmiyyah* dengan teori pembelajaran moden, satu bentuk inovasi yang memperkukuh daya tarikan tafsir kanak-kanak dalam konteks pendidikan Islam kontemporari.

**Rajah 8**

*Ilustrasi Hadis Nabi SAW berkaitan Surah al-Fātiḥah dalam Bentuk Penceritaan*



Kajian mendapati bahawa hadis yang terlibat dalam Rajah 8 di atas adalah hadis yang direkodkan oleh imam Muslim seperti berikut:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مَنْ صَلَّى صَلَاةً لَمْ يَقْرَأْ فِيهَا بِأَمِّ الْقُرْآنِ فَهِيَ خِدَاجٌ - ثَلَاثًا - غَيْرَ تَمَامٍ. فَقِيلَ لِأَبِي هُرَيْرَةَ إِنَّا نَكُونُ وَرَاءَ الْإِمَامِ. فَقَالَ: أَقْرَأُ بِهَا فِي نَفْسِكَ، فَإِنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: قَسَمْتُ الصَّلَاةَ بَيْنِي وَبَيْنَ عَبْدِي نِصْفَيْنِ وَلِعَبْدِي مَا سَأَلَ؛ فَإِذَا قَالَ الْعَبْدُ: (الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ)، قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: حَمَدِي عَبْدِي؛ وَإِذَا قَالَ: (الرَّحْمَنُ الرَّحِيمِ)، قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: أَتَيْتُ عَلَى عَبْدِي؛ وَإِذَا قَالَ: (مَالِكِ يَوْمَ الدِّينِ)، قَالَ: حَمَدِي عَبْدِي - وَقَالَ مَرَّةً فَوْضَ إِلَى عَبْدِي - فَإِذَا قَالَ: (إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ)، قَالَ: هَذَا بَيْنِي وَبَيْنَ عَبْدِي وَلِعَبْدِي مَا سَأَلَ؛ فَإِذَا قَالَ: (اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ - صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ)، قَالَ: هَذَا لِعَبْدِي وَلِعَبْدِي مَا سَأَلَ

[Muslim, *Kitāb al-Ṣalāh, Bāb Wujūb Qirā'at al-Fātiḥah Fī Kulli Rak'at Wa Innahu Idhā Lam Yuḥsin al-Fātiḥah Wa Lā Amkanahu Ta'allumuhā Qara'a Mā Tayassara Lahu Min Ghayrihā*, No. Hadis 395]

Maksudnya:

“Daripada Abū Hurayrah RA, daripada Rasulullah SAW bersabda: “Sesiapa yang menunaikan solat tetapi dia tidak membaca Umm al-Qurān, maka solat itu tidak sempurna [Baginda mengulangi lafaz ini tiga kali]. Lalu dikatakan kepada Abū Hurayrah: “Sesungguhnya kami berada di belakang Imam (makmum)”. Beliau berkata: “Bacalah ia (al-Fātiḥah) dalam dirimu, kerana dia pernah mendengar Rasulullah SAW menyatakan bahawa Allah SWT telah berfirman: {Aku telah membahagikan solat (al-Fātiḥah) antara Aku dan hamba-Ku kepada dua bahagian, dan hamba-Ku akan menerima apa yang dia minta. Ketika hamba berkata: “Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam”, Allah SWT berfirman: {Hamba-Ku telah memuji-Ku}. Dan ketika dia (hamba itu) berkata: “Yang Maha Pengasih, Maha Penyayang”, Allah SWT berfirman: {Hamba-Ku telah menyanjung-Ku}. Dan ketika dia (hamba itu) berkata: “Pemilik hari pembalasan”, Dia berfirman: {Hamba-Ku telah mengagungkan-Ku}. Dan kadang-kadang Dia akan berfirman: {Hamba-Ku telah menyerahkan urusannya kepada-Ku}. Dan ketika (hamba) berkata: Engkaulah sahaja yang kami sembah dan kepada Engkaulah sahaja kami meminta pertolongan”, Dia (Allah) berfirman: {Ini antara Aku dan hamba-Ku, dan bagi hamba-Ku apa yang dia mohon}. Kemudian, ketika hamba berkata: “Tunjukkanlah kami jalan yang lurus, jalan orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka; bukan (jalan) mereka yang dimurkai dan bukan pula jalan mereka yang sesat”, Dia (Allah) berfirman: {Ini untuk hamba-Ku, dan bagi hamba-Ku apa yang dia mohon}.”

Namun, berbeza dengan pendekatan tradisional yang biasanya menampilkan sanad dan matan secara lengkap, penulis buku ini memilih untuk mengilustrasikan hadis tersebut dalam bentuk penceritaan bergambar. Strategi ini bertujuan menarik minat pembaca cilik dan memudahkan mereka memahami mesej yang ingin disampaikan. Sehubungan itu, penulisan tafsir genre kanak-kanak wajar memanfaatkan genre *al-qisṣah* sebagai medium penyampaian, kerana pendekatan naratif lebih sesuai dengan tahap perkembangan kognitif dan emosi kanak-kanak (Batubara, Agustini, & Lubis, 2023; Nisfa, Latiana, Pranoto, & Diana, 2022). Penceritaan membolehkan mereka menghayati intipati tafsiran ayat al-Quran dengan cara yang lebih dekat, berkesan, dan seiring dengan kemampuan pemahaman usia awal.

#### **4.5 Penekanan Terhadap Aspek Nilai Murni**

Selain aspek sumber rujukan dan penceritaan, *Tafsīr Mini Surah al-Fatihah* turut menitikberatkan pembentukan nilai-nilai murni dalam kalangan kanak-kanak sebagai sebahagian daripada proses *tarbiyyah Islāmiyyah*. Nilai seperti kasih sayang, kesyukuran, ketaatan kepada perintah Allah SWT dan penjagaan solat disampaikan melalui watak, dialog serta ilustrasi yang mesra kanak-kanak seperti Rajah 9. Pendekatan ini seiring dengan pandangan Saidin dan Abdul Majid (2012) bahawa bahan bacaan yang berkualiti mampu membentuk sahsiah dan jati diri melalui penanaman nilai yang konsisten. Kajian terkini turut menegaskan bahawa pendekatan naratif visual dapat membantu pembentukan moral dan spiritual kanak-kanak secara berkesan (Nalia, Sari Saptuti, Kurniyati, & Supriyadi 2024).

Penulis mengaplikasikan nilai tersebut secara kontekstual melalui contoh adab menerima pujian dengan mengucapkan *hādḥā min faḍl rabbī* (ini adalah daripada kurniaan Tuhanku) sebagai tanda kesyukuran serta mendahului pujian dengan *Mā shā’ Allāh* (apa yang dikehendaki Allah SWT) bagi menzahirkan kesedaran bahawa segala kebaikan datang daripada Allah SWT. Pendekatan ini memperlihatkan keseimbangan antara pendidikan akhlak dan pembentukan spiritual (*tazkiyah al-nafs*) sejak usia awal. Nilai-nilai tersebut digarap bukan hanya sebagai hafalan lafaz, tetapi sebagai latihan adab lisan yang membentuk disiplin hati dan emosi (Al-Ghazālī, 2005; Safitri & Zakaria, 2023).

Dari sudut teori perkembangan, strategi ini selari dengan pendekatan Vygotsky (1978) yang menegaskan kepentingan interaksi sosial dan bimbingan verbal dalam membantu kanak-kanak membentuk kefahaman moral melalui bahasa dan contoh persekitaran. Justeru, penggunaan ungkapan seperti *hādḥā min faḍl rabbī* atau *Mā shā’ Allāh* dalam konteks komunikasi seharian menjadi satu bentuk latihan pembiasaan spiritual yang berfungsi sebagai “*scaffolding akhlak*” (bimbingan bertahap dalam pembentukan akhlak). Dari perspektif pendidikan Islam pula, pendekatan ini sejajar dengan prinsip *tazkiyah wa tarbiyyah*, yang menekankan bahawa akhlak tidak hanya diajar melalui teori, tetapi dipupuk melalui penghayatan dan teladan berterusan (Fuadhah, 2024; Hajiannor, 2025). Oleh itu, peranan ibu bapa dan guru menjadi penting bagi memperkukuh pemahaman anak-anak terhadap nilai-nilai ini agar ia berkembang daripada sekadar sebutan kepada amalan kehidupan seharian.

### Rajah 9 Penerapan Nilai-nilai Murni dalam Tafsir Mini Surah al-Fatihah



Seterusnya, Rajah 10 menonjolkan nilai murni melalui perbandingan antara ucapan yang baik dan ucapan yang tidak baik. Ucapan yang tidak baik menggambarkan sikap manusia yang menganggap kejayaan adalah hasil usaha diri semata-mata, manakala ucapan yang baik menegaskan bahawa setiap kejayaan hanya tercapai dengan izin Allah SWT, dan sepatutnya disusuli dengan lafaz *alhamdulillah*.

### Rajah 10 Perbandingan Nilai Baik dan Tidak Baik dalam Ucapan Manusia



Nilai ini bertepatan dengan hadis Nabi SAW:

عن عبد الله بن عمرو بن العاص رضي الله عنهما عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: المسلم من سلمت لسانه ويده

[Al-Bukhārī, *Kitāb al-Īmān, Bāb al-Muslim Man Salima al-Muslimūn min Lisānih wa Yadih*, No. Hadis: 10]

Maksudnya :

“Dari ‘Abdullah bbn ‘Amr ibn al-‘Āṣ berkata, Rasulullah SAW bersabda : “Muslim sejati adalah siapa yang orang-orang muslim lainnya selamat dari lisan dan tangannya.”

Penekanan nilai murni melalui ucapan seperti ini amat signifikan kerana ia membentuk adab lisan yang baik serta menanamkan sikap rendah diri kepada Allah SWT. Hasil penelitian mendapati bahawa penyampaian nilai murni melalui bentuk karikatur yang menarik dalam buku ini dapat membantu membina jati diri kanak-kanak serta menggalakkan amalan mulia dalam kehidupan seharian ([Aziz, Napitupulu, & Siahaan, 2024](#)).

#### **4.6 Ketiadaan Unsur Khurafat dan Tahayul**

Hasil penelitian mendapati bahawa buku *Tafsir Mini Surah al-Fatihah* bebas daripada sebarang unsur khurafat, tahayul dan kepercayaan karut yang bertentangan dengan akidah Islam. Menurut [Baharom \(2007\)](#) dalam *Kamus Dewan*, khurafat merujuk kepada kepercayaan yang tidak berasas atau bersifat karut. Penolakan terhadap unsur ini sejajar dengan garis panduan rasmi yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) hasil keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa pada tahun 1996, yang antara lain menekankan bahawa kepercayaan karut lazimnya tidak berasaskan nas syarak, dibina atas cerita dongeng atau rekaan, berakar daripada adat lama yang bercanggah dengan Islam, serta boleh melibatkan amalan pemujaan makhluk halus, pergantungan kepada objek tertentu, dan unsur negatif yang menjejaskan akidah ([JAKIM, 2008; 2015; Mat Salleh, Abdul Manaf, & Kamaruzaman, 2021](#)).

Analisis terhadap buku ini menunjukkan bahawa penulis menolak keseluruhan ciri tersebut dan menegaskan al-Quran sebagai sumber rujukan utama. Sebagai contoh, kisah Nabi Sulaiman AS yang telah dibincangkan sebelum ini (lihat Rajah 5) memperlihatkan bagaimana peristiwa pemindahan singgahsana Ratu Saba' bersumberkan surah al-Naml [27] ayat 38 hingga 40 digambarkan melalui ilustrasi dan dialog yang ringkas. Penceritaan ini jelas menunjukkan bahawa Nabi Sulaiman AS tidak bergantung kepada bantuan makhluk seperti Jin Ifrit, sebaliknya hanya memohon pertolongan daripada Allah SWT. Hal ini memberikan mesej pendidikan yang penting kepada kanak-kanak bahawa ilmu, kepimpinan dan kejayaan hakiki tidak terletak pada makhluk lain, tetapi pada kebergantungan sepenuhnya kepada Allah SWT.

Penekanan terhadap sumber berautoriti dalam Islam amat penting sebagai asas penyediaan bahan bacaan kanak-kanak, kerana pemeliharaan akidah merupakan tunjang utama pendidikan Islam. Seperti yang ditegaskan oleh [Mohd. Tahir dan Mohamed \(2020\)](#), perhatian terhadap aspek akidah dapat menjamin ketulenan kandungan serta menghindarkan anak-anak daripada unsur yang bercanggah dengan tauhid. Dalam hal ini, keselarasan kandungan dengan manhaj Ahli Sunah Waljamaah, khususnya aliran akidah al-Ash'ariyyah, memainkan peranan penting dalam memastikan kefahaman yang sahih disampaikan.

Al-Ash'ariyyah sebagai mazhab teologi Sunni menekankan prinsip *tanzīh* iaitu mensucikan Allah SWT daripada penyerupaan dengan makhluk serta pemahaman sifat-sifat ketuhanan secara non-antropomorfik (tidak menyerupakan Allah SWT dengan makhluk) ([Apriyani, Amri, & Aderus, 2024](#)). Prinsip ini juga menekankan keseimbangan penggunaan akal dalam kerangka wahyu, suatu asas epistemologi yang turut ditekankan oleh [Al-Ghazālī \(2013\)](#). Dalam konteks penulisan tafsir kanak-kanak, prinsip ini diterjemahkan melalui penolakan elemen tahayul, pengelakkan gambaran ghaib secara literal, dan pemilihan naratif yang tidak membawa kepada salah faham tentang sifat Allah SWT. Pendekatan ini memastikan mesej akidah dapat disampaikan secara sederhana dan sesuai dengan perkembangan kognitif kanak-kanak, namun tetap selaras dengan ketepatan teologi Ahli Sunah Waljamaah. Keseluruhannya, penerapan kerangka teologi ini memperlihatkan bagaimana penyampaian kandungan yang mesra kanak-kanak dapat diseimbangkan dengan pemurnian akidah, menjadikan karya ini sahih, relevan dan selamat dijadikan rujukan dalam pendidikan Islam awal.

#### **4.7 Kelemahan dan Cabaran Penggunaan Tafsir Mini Surah al-Fātihah**

Walaupun buku *Tafsir Mini Surah al-Fatihah* memperlihatkan kelebihan yang signifikan dari aspek penyampaian mesra kanak-kanak dan pemeliharaan prinsip pendidikan Islam, terdapat beberapa kelemahan dan cabaran yang wajar diberi perhatian dalam konteks pengaplikasiannya.

Pertama, dari sudut isi kandungan, penekanan buku ini lebih tertumpu kepada pengenalan asas makna ayat dan nilai murni tanpa menghuraikan dimensi tafsir yang lebih mendalam. Pendekatan penyederhanaan (*over simplification*) ini sememangnya perlu bagi menjadikan kandungan sesuai dengan tahap kognitif kanak-kanak, namun ia juga menuntut penglibatan aktif ibu bapa dan guru bagi memastikan mesej-mesej akidah dan nilai ketuhanan dapat difahami secara betul dan menyeluruh. Dengan bimbingan dewasa, setiap persoalan yang timbul daripada anak-anak dapat dijawab secara ilmiah dan berpandukan sumber sahih, selaras dengan saranan agar tafsir kanak-kanak berfungsi sebagai alat pendidikan keluarga ([Mohd. Tahir & Mohamed, 2020; Nasir & Mat Teh, 2021b](#)).

Kedua, dari segi bahasa, walaupun gaya penulisan menggunakan kosa kata yang mudah, terdapat istilah abstrak seperti sifat-sifat Allah SWT dan konsep ketuhanan yang masih memerlukan penjelasan lanjut agar

difahami dengan tepat. Begitu juga dari segi visual, penghasilan ilustrasi dalam karya ini berdepan cabaran untuk menyeimbangkan antara elemen tarikan grafik dengan garis panduan syariah. Larangan penggambaran wajah para nabi, malaikat dan sahabat menuntut tahap kreativiti yang tinggi bagi memastikan mesej disampaikan secara menarik tanpa menjejaskan prinsip akidah (e-SMAF, 2009; JAKIM, 2008; 2015).

Selain itu, perbezaan tahap literasi dan latar belakang keluarga turut mempengaruhi keberkesanan buku ini. Kanak-kanak yang mendapat sokongan daripada ibu bapa dan persekitaran pembelajaran yang kondusif berpotensi untuk memperoleh manfaat yang lebih optimum berbanding mereka yang kurang mendapat perhatian (Abdul et al., 2023; Hasbullah & Nurhasanah, 2024; Nur Afni & Jumahir, 2020). Oleh itu, usaha memperkukuh sokongan komuniti dan penyediaan bahan tambahan seperti video, panduan ibu bapa atau modul interaktif amat digalakkan agar mesej tafsir lebih mudah diakses dan dihayati oleh pelbagai lapisan masyarakat.

Dari sudut perbandingan, *Tafsir Mini Surah al-Fatihah* menunjukkan kekuatan tersendiri berbanding karya luar seperti *Tafsir Al-Quran untuk Anak-Anak Bergambar* karya Afif (2002). Walaupun kedua-duanya menekankan kesederhanaan bahasa dan penggunaan visual, buku keluaran Malaysia ini lebih menekankan peranan bimbingan ibu bapa dalam proses pemahaman. Gaya tafsir yang bersifat ringkas bukanlah kelemahan, tetapi strategi pedagogi yang sesuai dengan tahap kognitif kanak-kanak (Piaget, 2000; Vygotsky, 1978). Oleh itu, interaksi aktif antara ibu bapa dan anak-anak perlu digalakkan agar setiap persoalan yang timbul dapat dijelaskan dengan bimbingan yang betul.

Dari sudut cabaran penulisan pula, penghasilan tafsir untuk kanak-kanak menuntut keseimbangan antara ketepatan makna agama dengan kesesuaian bahasa dan gaya persembahan. Penulis perlu memastikan bahawa setiap mesej bersumberkan rujukan yang sahih serta mengelakkan unsur yang boleh menimbulkan kekeliruan terhadap konsep ketuhanan. Di samping itu, penerbitan karya seperti ini juga berdepan cabaran memastikan penerimaan masyarakat dan institusi pendidikan agar tidak disalahtafsir sebagai bahan bacaan ringan semata-mata.

Secara keseluruhannya, kelemahan dan cabaran yang dikenal pasti ini tidak menjejaskan sumbangan besar buku *Tafsir Mini Surah al-Fatihah*, sebaliknya menegaskan keperluan penambahbaikan berterusan dalam pembangunan genre tafsir kanak-kanak di Malaysia, khususnya dalam aspek pengukuhan metodologi dan sokongan pedagogi yang selari dengan prinsip syariah dan keperluan semasa.

## 5. KESIMPULAN

Kajian ini mendapati bahawa *Tafsir Mini Surah al-Fatihah* terbitan Telaga Biru Sdn. Bhd. mempunyai lima ciri utama yang menjadikannya sesuai sebagai bahan tafsir untuk kanak-kanak, iaitu: (i) penggunaan al-Quran dan hadis sebagai sumber rujukan; (ii) pemerksaan tema *Qaṣaṣ al-Anbiyā'*; (iii) penerapan genre penceritaan (*al-qisṣah*); (iv) penekanan terhadap nilai-nilai murni; dan (v) ketiadaan unsur khurafat dan tahayul. Kelima-lima ciri ini memperlihatkan kesungguhan penulis dalam memastikan kandungan tafsir yang dihasilkan bukan sahaja mesra kanak-kanak dari segi visual dan bahasa, tetapi juga mematuhi prinsip *manhaj* tafsiran Islam yang sahih.

Walaupun demikian, kajian ini turut mengenal pasti beberapa aspek yang memerlukan perhatian, khususnya dari segi keperluan bimbingan tambahan oleh ibu bapa dan guru bagi memastikan mesej-mesej keagamaan dapat difahami secara betul oleh kanak-kanak. Selain itu, terdapat cabaran dalam aspek penyederhanaan bahasa, pemilihan ilustrasi yang mematuhi garis panduan syariah, serta variasi tahap literasi kanak-kanak yang boleh mempengaruhi keberkesanan penyampaian mesej. Namun, kelemahan dan cabaran ini tidak menjejaskan nilai dan sumbangan karya tersebut, bahkan menegaskan kepentingan usaha berterusan untuk memperkukuh pendekatan tafsir kanak-kanak berteraskan tarbiah Islam yang holistik.

Dari sudut implikasi praktikal, hasil kajian ini menegaskan bahawa bahan tafsir untuk kanak-kanak perlu diperkaya dengan sokongan pedagogi, panduan ibu bapa, serta pendekatan visual yang kreatif agar mesej al-Quran dapat disampaikan dengan berkesan mengikut tahap perkembangan kognitif dan emosi pembaca muda. Penulisan tafsir genre kanak-kanak juga wajar diperkembangkan bukan sahaja dari aspek kandungan, tetapi turut mengambil kira psikologi pendidikan dan reka bentuk media interaktif bagi menyesuaikan diri dengan persekitaran pembelajaran digital masa kini.

Oleh itu, *Tafsir Mini Surah al-Fatihah* boleh dianggap sebagai satu titik tolak penting dalam usaha membina tradisi tafsir mesra kanak-kanak di Malaysia. Kajian lanjutan disarankan untuk memberi fokus kepada analisis perbandingan dengan karya tafsir kanak-kanak lain, penilaian keberkesanan penggunaan bahan ini dalam konteks pendidikan formal dan tidak formal, serta penerokaan potensi medium digital interaktif dan aplikasi mudah alih sebagai pelengkap kepada teks bercetak. Pendekatan bersepadu sebegini diyakini dapat memperkukuh kefahaman, minat dan kecintaan terhadap al-Quran dalam kalangan generasi muda Muslim pada masa hadapan.

Bagi memperkukuh usaha ini pada peringkat nasional, dicadangkan agar pihak berautoriti seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), dan institusi pengajian tinggi Islam bekerjasama dalam merangka garis panduan nasional bagi penerbitan tafsir kanak-kanak. Garis panduan ini perlu mengambil kira keperluan psikologi perkembangan kanak-kanak, prinsip pedagogi Islam, serta pematuhan terhadap manhaj tafsir yang sahih. Selain itu, penerbit seperti Telaga Biru Sdn. Bhd. serta institusi latihan guru boleh membentuk jaringan strategik dalam pembangunan bahan bantu mengajar berasaskan tafsir, termasuk modul pengajaran dan versi digital interaktif. Pendekatan bersepadu antara dasar dan penerbitan ini penting bagi memastikan pembangunan tafsir kanak-kanak tidak hanya bersifat komersial, tetapi menjadi sebahagian daripada strategi nasional memperkukuh pendidikan Islam awal berpaksikan al-Quran.

## KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan kewangan atau bukan kewangan dalam perkara atau bahan yang dibincangkan dalam artikel ini.

## PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada penyelidikan bertajuk *Identifikasi Penerbitan Genre Kitab Tafsir untuk Kanak-kanak* dengan Kod Penyelidikan: 2022/P/GPIK/GPM-03/022. Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Islam Selangor (UIS) atas sokongan dan pembiayaan yang diberikan sepanjang proses penyelidikan ini dijalankan.

## SUMBANGAN PENULIS

Artikel ini adalah hasil sumbangan saintifik yang signifikan dalam penyelidikan yang dilakukan oleh lima pengarang. Zaidul Amin Suffian Ahmad, Sahlawati Abu Bakar dan Muhammad Aizat Syimir Rozani mengumpul dan menganalisis data; Siti Nurbalqis Baharuddin melakukan semakan dan penyuntingan; dan Jannatul Husna Ali Nuar memastikan metodologi yang digunakan adalah sesuai dan mencapai objektif penulisan.

## RUJUKAN

- Abdul, M. A., Mohd Arof, N., Mohamad, I., Harun, F. A., Jamil, N. A., Kariuddin, N. A. F., & Ismail, H. (2023). Pengaruh persekitaran pembelajaran dalam meningkatkan perkembangan emosi kanak-kanak tadika: Satu kajian kes. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 12(2), 45–53. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol12.2.5.2023>.
- Adib, S. (2018). Karakteristik metode tafsir al-Quran untuk anak: Studi buku *Tafsir al-Quran untuk Anak-anak* karya Afif Muhammad. *An-Nidzam: Jurnal Manajemen Pendidikan dan Studi Islam*, 5(2), 121-153. Dicapai daripada <https://ejournal.iainu-kebumen.ac.id/index.php/An-Nidzam/article/view/177>.
- Afif, M. (2002). *Tafsir al-Qur'an untuk anak-anak bergambar*. Bandung: Dar Mizan.
- Ahmad, Z. A. S., & Baharudin, A. M. (2022). Pendekatan doa menurut Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat: Surah al-Fātiḥah. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 7(2), 937–948. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v7i2.341>.
- Ahmad, Z. A. S., Abu Bakar, S., & Rozani, M. A. S. (2024). Peranan buku tafsir Quran untuk kanak-kanak bergambar dalam memupuk toleransi beragama dan keharmonian sosial: Analisis terhadap surah Al-Kāfirūn. *Jurnal Pengajian Islam*, 17(2), 126–139. <https://doi.org/10.53840/jpi.v17i2.354>.

- Al-'Ajlūnī, I. (2000). *Kashf al-khafā' wa muzīl al-ilbās 'ammā ishtahara min al-aḥādīth 'alā alsinat al-nās*. Beirut: Maktabah al-'Asriyyah.
- Alawiyah, K., & Miski. (2025). Quranic tafsir as an educational media for children: A study of "Seri Tafsir Al-Qur'an Kontemporer for Kids" by Aam Amiruddin. *Studia Quranika: Jurnal Studi Quran*, 10(1), 25–46. <https://doi.org/10.21111/studiaquranika.v10i1.13828>.
- Al-Ghazālī, A. H. (2005). *Iḥyā' 'ulūm al-dīn*. Jil. 3. t.tp.: Dār al-Ma'rifah.
- Al-Ghazālī, A. H. (2013). *Al-Iqtisād fī al-i'tiqād*. Dar al-Minhaj.
- Al-Munāwī, A. R. (1988). *al-Taysīr bi sharḥ al-Jāmi' al-Ṣaḡhīr*. Riyadh: Maktabah al-Imām al-Shāfi'ī.
- Al-Nadwī, A. H. (1996). *Qaṣaṣ al-nabiyyīn li al-atfāl* (Muqaddimah oleh Sayyid Quṭb). Lucknow: Nadwat al-'Ulamā'.
- Al-Qaṭṭān, M. (2004). *Mabāhith fī 'ulūm al-Qur'ān*. Mesir: Maktabah Wahbah.
- Al-Ṣalīḥ, S. (2011). *Membahas ilmu-ilmu al-Quran*. Jakarta: Pustaka Firdaus.
- Al-Ṣiddīqī, T. M. H. (2010). *Ilmu-ilmu al-Quran*. Semarang: Pustaka Rizki Putra.
- Amir, U. A. & Romlie, A. A. (2020). *Tafsir mini surah al-Fatihah*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Apriyani, N., Amri, M., & Aderus, A. (2024). Perdebatan aspek-aspek ketuhanan dalam teologi Islam dan kaitannya dengan kalimat tauhid: Analisis terhadap tiga mazhab besar teologi klasik: Mu'tazilah, Asyariyah dan Al-Maturidiyah). *Indo-MathEdu Intellectuals Journal*, 5(3), 4087–4098. <https://doi.org/10.54373/imeij.v5i3.1482>.
- Aziz, M., Napitupulu, D. S., & Siahaan, J. (2024). Kartun sebagai media pembelajaran akhlakul karimah anak usia dini. *Pelangi: Jurnal Pemikiran dan Penelitian Pendidikan Islam Anak Usia Dini*, 6(1), 57–71. <https://doi.org/10.52266/pelangi.v4i1.766>.
- Baharom, N. (2007). *Kamus dewan: Edisi keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Batubara, L. F., Agustini, R., & Lubis, J. N. (2023). Meningkatkan perkembangan sosial emosional anak melalui metode cerita. *Jurnal Obsesi: Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*, 7(5), 5961–5972. <https://doi.org/10.31004/obsesi.v7i5.5336>.
- E-SMAF. (2009). *Hukum melukis, melakar atau mengukir gambar Nabi SAW, ahli keluarga dan pada sahabat baginda*. Sumber Maklumat Al-Ahkam Al-Fiqhiyyah. Dicapai daripada <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/11969>.
- Fuadhah, N. L. (2024). Membentuk karakter peserta didik dalam perspektif filsafat pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan Nusantara*, 3(2), 127–139. <https://doi.org/10.55080/jpn.v3i2.90>.
- Hajiannor. (2025). Upaya memperbaiki perilaku menyimpang anak dalam perspektif pendidikan Islam. *Jurnal Tarbiyah: Jurnal Ilmiah Kependidikan dan Keagamaan*, 9(2), 588–605. <https://doi.org/10.58791/tadrs.v9i02.534>.
- Hasbullah, & Nurhasanah. (2024). Peran orang tua dan pendidik dalam melejitkan potensi anak. *Jurnal Kajian Pendidikan Islam*, 3(1), 55–71. <https://doi.org/10.58561/jkpi.v3i1.110>.
- Herlambang, Y. T. (2018). *Pedagogik: Telaah kritis ilmu pendidikan dalam multiperspektif*. Jakarta: Bumi Aksara.
- Ibn Khaldūn, M. (2005). *Al-Muqaddimah*. Beirut: Dār al-Fikr.

- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2008). *Khurafat & azimat: Garis panduan*. Selangor: FM Security Printer.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2015). *Garis panduan penapisan bahan penerbitan berunsur Islam*. Selangor: FM Security Printer.
- Kahar, S., & Barus, M. I. (2020). *Pendidikan perspektif Islam: Analisis teologis dan filosofis dalam konteks kontemporer*. Sumatera Utara: Madina Publisher.
- Krippendorff, K. (2004). *Content analysis: An introduction to its methodology*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Kuckartz, U., & Radiker, S. (2023). *Qualitative content analysis: Methods, practice and software*. Sage Publishing.
- Mat Salleh, M. K., Abdul Manaf, M. F., & Kamaruzaman, M. A. S. (2021). Unsur khurafat dalam ajaran sesat di Malaysia: Analisis pandangan hukum Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research (JFATWA)*, 26(2), 144–157. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol26no2.339>.
- Mohd. Tahir, U. M., & Mohamed, Z. (2020). *Watak dan perwatakan dalam sastera: Islam, Barat dan Melayu*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad, A. (2002). *Tafsir al-Quran untuk anak-anak bergambar*. Bandung: Dar Mizan.
- Nalia, V., Sari Saptuti, S., Kurniyati, O., & Supriyadi. (2024). Analisis manfaat edukasi animasi Ibra terhadap kecerdasan spiritual dan moral peserta didik dalam mata pelajaran PAI (Pendidikan Agama Islam) di sekolah dasar. *JS (Jurnal Sekolah)*, 9(1), 68–74. <https://doi.org/10.24114/js.v9i1.64793>.
- Nasir, M. N. M., & Mat Teh, K. S. (2021c). *Pendidikan Islam awal dan pembentukan akhlak kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nasir, M. N. M., & Mat Teh, K. S. (2021d). *Pendidikan Islam dan bahan bacaan kanak-kanak: analisis kandungan dan nilai akidah*. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Nasir, M. S., & Mat Teh., K. S. (2020). Tasawur sastera kanak-kanak Islami menurut perspektif al-Nadwi. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 21(3), 37–59. <https://doi.org/10.37231/jimk.2020.21.3.507>.
- Nasir, M. S., & Mat Teh., K. S. (2021a). Elemen nilai dalam teks sastera kisah para nabi untuk bacaan kanak-kanak menurut perspektif al-Nadwi. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 11(1), 14–26. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v11.6116>.
- Nasir, M. S., & Mat Teh., K. S. (2021b). Penelitian semula terhadap konsep sastera kanak-kanak Islami. *Ulum Islamiyyah: The Malaysian Journal of Islamic Sciences*, 33(3), 151–173. <https://doi.org/10.33102/uij.vol33no3.447>.
- Nisfa, N. L., Latiana, L., Pranoto, Y. K. S., & Diana. (2022). Pengaruh pendekatan pembelajaran project based learning (PjBL) terhadap kemampuan sosial dan emosi anak. *Jurnal Obsesi: Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*, 6(6), 5982–5995. <https://doi.org/10.31004/obsesi.v6i6.3032>.
- Nur Afni, & Jumahir. (2020). Peranan orang tua dalam meningkatkan prestasi belajar anak. *Musawa*, 12(1), 108–139. <https://doi.org/10.24239/MSW.V12I1.591>.
- Piaget, J. (2000). *The psychology of the child*. New York: Basic Books.
- Safitri, D., & Zakaria. (2023). Pendidikan kecerdasan spiritual perspektif Al-Ghazali dan relevansinya dengan Emotional Spiritual Quotient (ESQ). *Tarbawi: Jurnal Pendidikan Islam*, 6(1), 78–98. <https://doi.org/10.51476/tarbawi.v6i1.467>.

- Saidin, M., & Abdul Majid, L. (2012). Pembentukan jati diri kanak-kanak melalui bahan bacaan Bahasa Malaysia. *Jurnal Hadhari*, 4(1), 77–102. Dicapai daripada <https://ejournals.ukm.my/jhadhari/article/view/12359>.
- Saifunnuha, M., & Hasan, H. (2022). Ragam tafsir di Indonesia: Analisis metodologis Tafsir Juz 'Amma for Kids karya Muhammad Muslih dan Tafsir Da'awi karya Atabik Luthfi). *Shufuf*, 15(1), 83–105. <https://doi.org/10.22548/shf.v15i1.688>.
- Spradley, J. P. (1980). *Participant observation*. New York, NY: Holt, Rinehart and Winston.
- Sujud, A., Abdul Rahman, M., & Hamzah, R. (2014). *Sastera Islam kanak-kanak: Nilai estetik dan didaktik*. Kuala Lumpur: Penerbit UKM.
- Sujud, A., Abdull Sedik, N. A., Nik Muhamad Affendi, N. R., & Gaisun, I. Z. (2014). Ekspresi emosi melalui bahan bacaan sastera kanak-kanak. *Jurnal Melayu*, 13, 72–84. Dicapai daripada <https://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/8001>.
- Sunawari, L. (2007). *Pengenalan metodologi penyelidikan Islam*. Bangi, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Usman, A. H., Ahmad, Z. A. S., & Possumah, B. T. (2024). I'dilū Huwa Aqrab li al-Taqwā: Analisis wacana mufasirun pada surah al-Mā'idah [5] ayat 8 dalam melestarikan keharmonian masyarakat. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 9(2), 1292–1305. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v9i2.479>.
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Yin, R. K. (1994). *Case study research: Design and methods*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Zakaria, A. F. (2017). *Pengantar pengajian ilmu al-Quran*. Selangor, Malaysia: Darul Syakir Enterprise.
- Zakariyyā al-Anṣārī, M. (2005). *Minḥat al-bārī bi sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Riyadh, KSA: Maktabah al-Rushd.

#### Disclaimer

The views expressed in this article are those of the author. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* shall not be liable for any loss, damage or other liability caused by / arising from the use of the contents of this article.

